



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/3/2021	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

# Taman Negara mula dikunjungi

Sinar Harian 18/3/2021 m/s 23

Pengusaha pelancongan di Taman Negara, Kuala Tahan lega terima pelancong

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

## JERANTUT

Pengusaha pelancongan di Taman Negara, Kuala Tahan di sini kini boleh menarik nafas lega selepas menerima kehadiran pelancong yang menginap di premis mereka sejak beberapa hari lalu.

Bagaimanapun, pelancong yang datang hanya melibatkan penduduk Pahang dan dijangka bertambah dari masa ke masa manakala kehadiran pelancong dari luar masih belum diterima walaupun kerajaan telah membenarkan pelancong dari negeri yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ke negeri PKPP lain bermula 10 Mac lalu.

Pengusaha Tebing Guest House, Leftenan Komander (Bersara) Mohd Rani Abdul Harun berkata, kehadiran pelancong yang mula menginap di premis miliknya sejak Selasa itu memberikan nafas baharu kepada pengusaha pelancongan seperti ini.

"Walaupun tak ramai tapi saya bersyukur sekurang-kurangnya ada pelanggan yang datang menginap di bilik yang kami tawarkan.

"Buat masa ini kebanyakannya mereka datang dari Kuantan dan kita juga ada terima pertanyaan pelancong dari luar Pahang cuma masih belum



Antara pelancong yang mula mengunjungi Taman Negara, Kuala Tahan pada Rabu.

ada kepastian," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Persatuan Pengusaha Pelancongan Taman Negara mengakui syarat yang ditetapkan kerajaan dengan hanya membenarkan orang ramai melancong dari negeri PKPP ke negeri PKPP lain menggunakan pengangkutan daripada agensi pelancongan ditetapkan turut memberikan kesan kepada mereka.

Dalam pada itu, Pengurus Hospitaliti dan Pelancongan Mutiara Taman Negara Resort (MTNR), Sabri Abdullah menjangkakan jumlah kehadiran pelancong akan bertambah selepas ini.

Katanya, mereka menerima 30 pelancong dari luar Jerantut sejak beberapa hari lalu.

"Pada 20 dan 21 Mac, jumlahnya akan bertambah kerana ada pertandingan Bird Count di Taman Negara," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai syarat yang dikenakan kepada

pelancong, Sabri mengakui keputusan kerajaan menggunakan agensi pelancongan agar jadual aktiviti mereka menjadi lebih tersusun.

"Memang ada aduan mengapa mereka tidak boleh guna kenderaan persendirian tapi saya rasa kerajaan sudah mengambil kira faktor lain yang boleh membantu agensi pelancongan secara langsung," katanya.

Bagi pemilik Greenland Guesthouse, Afzal Abdul Aziz berkata, pihaknya masih belum beroperasi sepenuhnya kerana masih melakukan kerja-kerja membersihkan bilik selepas premis dilanda banjir Januari lalu.

Katanya, meskipun masih belum beroperasi tetapi pihaknya sudah menerima tempahan orang ramai.

"Memang diakui bila menggunakan ejen pelancongan, saya sebagai pengusaha kecil memang sedikit terjejas kerana sudah pasti ejen pelancongan ada pilihan resort dan hotel masing-masing," katanya yang telah membuka rumah tamu itu lebih 20 tahun lalu.